

Universe juara bola keranjang Sukan Massa Mahasiswa

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY

NST 30 3 2016 21

KOTA KINABALU: Pasukan Universe dinobat sebagai juara dalam kejohanan bola keranjang sempena Sukan Massa Mahasiswa anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kompleks Sukan UMS, baru-baru ini.

Empat pasukan bola keranjang wanita yang bersaing dalam kejohanan berkenaan terdiri daripada pasukan Universe, Youth Unite, Lol dan Ultrawomen.

Tempat kedua menjadi milik pasukan Ultrawomen manakala tempat ketiga jatuh kepada pasukan Youth Unite.

Ketua pasukan Universe, Chin Yee Ting, berkata, kemenangan tersebut merupakan kemenangan pertama bagi pasukannya memandangkan pada tahun sebelumnya mereka masing-masing bermain dalam pasukan berbeza.

"Antara faktor kemenangan pasukan kami pada tahun ini adalah kelebihan faktor ketinggian ahli dalam pasukan selain mendapat latihan yang mencukupi sebelum pertandingan," katanya.

Menurut Chin, pasukan mereka juga mempunyai kelebihan kerana beberapa pelajar dalam program Sains Sukan yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam sukan itu menjadi ahli pasukan mereka.

Katanya, walaupun para ahli pasukan mereka terdiri daripada pelajar yang belajar dalam fakulti yang berlainan, namun berkat kerjasama dan sikap sal-



JUARA Para pemain pasukan Universe yang menjuarai kejohanan sukan bola keranjang wanita UMS sempena Sukan Massa Mahasiswa.

ing hormat-menghormati dalam kalan-gan mereka menjadi pendorong utama kejayaan pasukan itu tahun ini.

Majlis penyampaian hadiah kejo-

hanan telah disempurnakan oleh Tim-balnan Naib Canselor Hal Ehwal pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr Ismail Ali.